

# Apartmen tampung 5,000 siswa

■ UTHM bakal bina 417 unit kediaman tahun depan

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor  
hafidzul@hmetro.com.my  
Batu Pahat

Peningkatan jumlah penuntut di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) amat dibimbangkan pihak pengurusan-nya berikutan masalah kekurangan penempatan pelajar di universiti berkenaan.

Berikutan itu, pembinaan sebuah lagi kolej kediaman di Parit Raja, Sri Gading oleh



FOTO: MUSTAPHA ISMAIL

**DR Mohd Noh (kiri) bersama Abdul Aziz (dua dari kiri) melihat model projek pembinaan kolej kediaman berkelompok pelajar UTHM.**

UTHM Holdings Sdn Bhd bersama UTEN Holdings Sdn Bhd, di sini, dapat mengurangkan kekangan itu walaupun tidak dapat menyelesaikannya secara keseluruhan.

Naib Canselor UTHM Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, pembinaan 417 unit apartmen yang mampu menampung sehingga 5,000 pelajar itu secara tidak langsung

meningkatkan jumlah penuntut yang tinggal di asrama universiti.

“Daripada jumlah keseluruhan 16,127 penuntut UTHM ketika ini, 42 peratus atau 6,751

daripadanya tinggal di asrama, manakala selebihnya di rumah sewa sekitar universiti.

“Pembinaan apartmen yang dijangka siap pertengahan tahun depan itu masih tidak menyelesaikan sepenuhnya masalah kediaman pelajar tetapi kami berharap kolej kediaman baru ini dapat direalisasikan sementara kita mencari jalan menambah lagi bilangannya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pecah tanah Projek Pembangunan Kolej Kediaman Berkelompok yang dirasmikan Ahli Parlimen Sri Gading Datuk Abdul Aziz Kaprawi, di

sini, kelmarin.

Apartmen itu membabitkan kos RM115 juta dan setiap unit mempunyai tiga bilik tidur dengan enam katil dua tingkat, ruang belajar, ruang makan serta ruang menyidai pakaian.

Kawasan apartmen itu turut memiliki kemudahan kafe-teria, dobi, pusat Internet, surau dan kedai serbaneka.

Sementara itu, Abdul Aziz berkata, pembinaan kolej kediaman terbabit membantu meningkatkan kegiatan ekonomi di pekan terbabit sekali gus berupaya meningkatkan taraf pendapatan penduduk.

## FAKTA

Kolej kediaman di Parit Raja berharga RM115 juta